



Bina daya tahan tolak rasuah

Laporan bahawa lebih separuh daripada jumlah individu yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak lebih lima tahun lalu adalah golongan muda berumur 40 tahun dan ke bawah sewajarnya menimbulkan rasa kesedaran dan kebimbangan dalam kalangan anggota masyarakat dan juga pihak kerajaan. Hal ini kerana kita tidak mahu generasi pewaris negara terus hanyut dalam soal integriti, etika dan moral sehingga boleh menghancurkan bukan saja masa depan mereka tetapi masa depan negara secara keseluruhannya.

Menurut Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berdasarkan statistik dari 2014 sehingga Jun lalu, seramai 4,860 individu ditahan kerana rasuah dan 2,594 atau 53.4 peratus daripada jumlah itu golongan muda. Ini satu pendedahan fakta yang cukup merisaukan. Tatkala kita mula membuka pelbagai ruang untuk golongan muda memainkan peranan dalam mencorak masa depan negara, kita dikejutkan dengan laporan seperti ini. Timbul persoalan jika keadaan ini berterusan dan mereka ini terus mengamalkan rasuah dan salah guna kuasa apa akan jadi kepada sistem pentadbiran negara ini. Jadi, sebelum ia menjadi semakin parah dan sukar dikawal, eloklah semua pihak yang terlibat mengambil tindakan drastik segera dengan harapan masih belum terlambat untuk memperbaiki keruntuhan integriti golongan muda ini sekali gus mencegah lebih ramai lagi turut terpengaruh dan terlibat sama.

Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini adalah Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih yang dilihat boleh juga dijadikan manifestasi semua pihak terutama dalam menzahirkan komitmen kerajaan untuk membersihkan anggota masyarakat daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kita percaya soal integriti dan moral mula mendapat perhatian semua pihak kerana gejala rasuah dan salah guna kuasa semakin menggoncang masyarakat. Jadi inilah masanya untuk kita mengambil peluang memperbaiki keruntuhan integriti dalam kalangan anggota masyarakat kita.

Rasuah dan salah guna kuasa pada hari ini dilihat sebagai suatu perkara yang sudah menjadi lazim dan budaya dalam kalangan sesetengah anggota masyarakat. Misalnya, hasil kajian SPRM mendapati 22.1 peratus responden penjawat awam mengakui sanggup menerima rasuah jika mempunyai kuasa atau kedudukan. Ini membuktikan mereka tidak takut mahupun malu untuk menerima rasuah. Ironinya, golongan yang memberi dan menerima rasuah ini

tidak lihat ia sebagai suatu perbuatan yang salah, tidak beretika dan dosa, justeru mereka bebas menerima dan memberi rasuah serta salah guna kedudukan dalam pelbagai urusan harian demi kepentingan tertentu. Maka untuk membersihkan golongan yang terpesong ini, kita perlu balik ke perkara yang paling asas iaitu memberikan kesedaran. Pendidikan kesedaran baik secara formal mahupun santai perlu dilaksanakan secara konsisten di semua peringkat seperti di rumah, sekolah, universiti dan pejabat. Ringkasnya, kita perlu mewujudkan satu ekosistem yang menjadi kerangka dan benteng yang boleh melindungi golongan muda daripada rasuah dan seterusnya meningkatkan nilai integriti mereka. Jika semua pihak di setiap peringkat ini dapat memberikan kesedaran kepada golongan muda, kita percaya anak-anak akan lebih kuat daya tahan untuk katakan tidak kepada rasuah.

Dalam pada itu, ekosistem yang ada juga perlu diubah supaya tidak mendorong kepada sebarang perlakuan rasuah dan salah guna kuasa. Kita percaya rasuah dan penyelewengan berlaku apabila seseorang individu itu diberikan terlalu banyak kuasa dan ruang untuk membuat sesuatu

keputusan terutama membabitkan soal kewangan. Oleh itu sistem pentadbiran yang berpusat kepada individu perlu diubah supaya ia berpusat kepada sesebuah jawatan kuasa atau kumpulan yang dianggotai pelbagai pihak berkepentingan dan mempunyai latar belakang kepakaran yang bersesuaian. Dengan ini, kita dapat menghadkan kuasa individu, sekali gus mengurangkan sebarang bentuk salah laku dan salah guna kuasa. Ringkasnya kuasa veto atau pemutus tidak boleh diberikan kepada seorang dua sebaliknya perlu digantikan dengan sistem jawatankuasa. Ubahlah segala bentuk peraturan lapuk yang sedia ada supaya kita mampu mewujudkan sistem tadbir urus yang lebih telus dan adil kepada semua.

Pada masa sama, langkah penguatkuasaan juga wajar dipertingkatkan dengan memberi fokus kepada kumpulan sasar yang betul dan tepat. Pihak berkuasa perlu kenal pasti senarai jawatan dan organisasi yang berpotensi tinggi untuk terdedah kepada rasuah dan salah guna

kuasa. Kita tidak boleh lagi pukul rata secara umum sebaliknya melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan pencegahan secara lebih fokus dan spesifik. Dalam konteks ini walaupun hampir setiap jabatan kerajaan sudah mewujudkan Unit Integriti bagi membendung rasuah dan salah guna kuasa, tetapi eloklah ia diteliti semua dari segi peranan dan kuasa yang diberikan kepada pegawai integriti jabatan.

Kita mahu unit ini menjadi mata dan telinga SPRM, bertindak dengan lebih agresif dan drastik.

Di samping itu, kita juga menyokong penuh saranan SPRM yang meminta semua ahli politik yang mempunyai akses kepada dana awam, supaya mengisytiharkan harta masing-masing, sebagai usaha mengelak berlaku kegiatan rasuah. Saranan ini juga tidak terhad kepada Exco (Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri) tetapi juga kepada Adun (Ahli Dewan Undangan Negeri) dan ahli majlis (pihak berkuasa tempatan). Dengan langkah ini, kita dapat menangani pelbagai bentuk tohmahan bahawa seseorang ahli politik itu terlibat dalam kegiatan

rasuah. Secara prinsipnya, kita tidak mahu politik dijadikan platform untuk seseorang individu itu mengumpul harta dan kekayaan dengan cara yang salah dan tidak beretika.

Secara umumnya, rasuah dan penyelewengan boleh menghancurkan peradaban dan nilai-nilai murni sesebuah masyarakat. Jadi mari kita bertindak untuk melindungi diri, ahli keluarga dan juga golongan belia dari terus terlibat dengan rasuah. Sebagai anggota masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab, pertama jangan memberi atau menerima rasuah dan kedua laporkan dengan segera sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku di depan mata kita kepada pihak berkuasa. Ingat, sikap kita yang tidak ambil peduli apa yang berlaku di sekeliling menyebabkan gejala seperti ini terus berleluasa. Katakan tidak kepada rasuah, proses memerangi rasuah perlu bermula dengan kita dan marilah kita bersama-sama membersihkan negara ini daripada rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

**Penulis Timbalan Pengarah
Pejabat Strategi Korporat
dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia**

FAKTA

Berdasarkan statistik dari 2014 sehingga Jun lalu, seramai 4,860 individu ditahan kerana rasuah dan 2,594 atau 53.4 peratus daripada jumlah itu golongan muda